



# KENYATAAN MEDIA

## Media Release

Untuk siaran segera

### KEMUDAHAN PEMBAYARAN CUKAI SECARA ELEKTRONIK (e-BAYARAN)

Cyberjaya, 27 April - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sentiasa berusaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dengan menyediakan pelbagai sistem pembayaran yang memudahkan pelanggan menunaikan tanggungjawab mereka kepada negara. Seiring dengan perkembangan teknologi, LHDNM telah mempelbagaikan cara bayaran cukai pendapatan kepada pembayaran secara elektronik yang mudah dilaksanakan.

Perkhidmatan pembayaran elektronik yang ditawarkan oleh LHDNM melalui laman web [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) adalah e-Bayaran. e-Bayaran adalah salah satu perkhidmatan elektronik di bawah ezHasil. Perkhidmatan ini membolehkan pembayar cukai individu dan korporat membayar cukai pendapatan secara *online*. Pembayar cukai perlu mempunyai akaun perbankan internet dengan bank-bank ahli FPX di bawah untuk menggunakan kemudahan ini.



LHDNM juga telah mengadakan kerjasama dengan bank-bank tempatan, bank-bank asing dan agensi kerajaan yang akan bertindak sebagai ejen pemungut cukai LHDNM. Ejen-ejen pemungut cukai ini dibenarkan menerima bayaran cukai bagi pihak LHDNM. Slip Pengesahan Bank atau slip pengesahan bayaran internet dianggap sebagai resit rasmi LHDNM. Senarai ejen-ejen pemungut LHDNM dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

BANK	JENIS	KAUNTER BANK	MESIN ATM	PERBANKAN INTERNET	PERBANKAN TELEFON	MESIN DEPOSIT CEK	MESIN DEPOSIT TUNAI
 CIMB BANK	<b>CP</b>	✓	✓	✓ (Individu Sahaja)			✓ (Individu Sahaja)
	<b>PCB</b>	✓		✓			
 PUBLIC BANK	<b>CP</b>	✓	✓	✓		✓ (Individu Sahaja)	
	<b>PCB</b>	✓		✓			
 RHB BANK	<b>PCB</b>			✓			
 Maybank	<b>CP</b>	✓	✓	✓	✓		
	<b>PCB</b>			✓			
 ALLIANCE BANK	<b>PCB</b>			✓			
 Hong Leong Bank	<b>CP</b>			✓			
	<b>PCB</b>			✓			
 citibank	<b>CP</b>			✓ (Syarikat Sahaja)			
	<b>PCB</b>			✓			
 POS MALAYSIA	<b>CP</b>	✓		✓			
	<b>PCB</b>			✓			
 AmBank Group	<b>PCB</b>			✓			
	<b>CP</b>						
 OCBC Bank	<b>PCB</b>			✓			
 AFFIN BANK	<b>CP</b>	✓					
 HSBC	<b>PCB</b>			✓			

Justeru, LHDNM menyeru dan menasihatkan agar semua pembayar cukai untuk mengemukakan Borang BE Tahun Taksiran 2011 selewat-lewatnya pada 30 April 2012. Sekiranya pembayar cukai memilih untuk menghantar melalui perkhidmatan e-Filing, maka tarikh akhir dilanjutkan pada 15 Mei 2012. e-Filing Mudah, Tepat dan Selamat.

Sebarang maklumat lanjut sila layari [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau hubungi 1-300-88-3010.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

# # #

Dikeluarkan oleh	:	Nor Azirah Mohd Said Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	27 April 2012
Nombor Telefon	:	03-8313 8838
Nombor Faks	:	03-8313 7835
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)